

03 FEB 2000

PENINGKATAN SYIAR ISLAM ANTARA MATLAMAT UMNO, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau tidak mahu melihat UMNO bersaing dengan PAS untuk kelihatan lebih Islam.

"Ia (persaingan) adalah perbuatan yang berbahaya," kata beliau pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada majlis jamuan tengah hari sempena satu persidangan anjuran Pusat Pneyelidikan Strategik Malaysia (MSRC) di sini.

Abdullah yang juga Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, berkata UMNO perlu mempunyai strategi sendiri dan anggota parti tidak harus melupai hakikat bahawa orang Melayu adalah orang Islam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan sama ada UMNO sedang berusaha untuk menjadi lebih Islam bagi menarik orang Melayu.

Dalam perlembagaan parti terdapat rujukan kepada agama Islam yang menyebut bahawa peningkatan syiar Islam merupakan satu daripada objektif perjuangan orang Melayu.

Beliau berkata UMNO akan sentiasa mematuhi perjuangan itu.

"Kita percaya bahawa untuk meningkatkan syiar Islam, kita perlu meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam," katanya.

Abdullah berkata beliau tidak mahu mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam jika orang Islam miskin dan tidak mencapai kejayaan dalam hidup mereka.

-- BERNAMA

ARA NMO

<<END>

03 FEB 2000

Perutusan-Mahathir/I

SIKAP TOLERANSI SUMBANG KEPADA KEJAYAAN SEMUA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia boleh berbangga dengan sikap toleransi yang diamalkan mereka selama ini dan berharap ia dapat diteruskan kerana terbukti banyak membawa kejayaan kepada semua.

Beliau berkata walaupun negara ditadbir oleh orang yang menganut ajaran Islam, ia tidak pernah menyekat penganut agama lain daripada meneruskan fahaman mereka dan menjalankan kegiatan keagamaan dan kebudayaan kaum masing-masing.

"Sesungguhnya kehidupan kaum minoriti di Malaysia amatlah bertuah," kata Dr Mahathir dalam perutusan sempena Tahun Baru Cina yang disambut masyarakat Tionghua pada Sabtu ini.

Beliau berkata penduduk negara ini terdiri daripada masyarakat berfikiran waras dan sentiasa menghargai keharmonian dan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama.

Perdana Menteri berkata sambutan Tahun Naga kali ini menjadi lebih meriah kerana bukan sahaja disambut di alaf baru, malah lebih bermakna kerana negara kini bebas daripada sebarang bentuk tekanan ekonomi.

Menurutnya semua pihak harus berterima kasih kerana negara tidak terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini dahulu, dengan kebanyakan rakyat masih dapat menjalani kehidupan harian yang sempurna.

"Bagaimanapun, kita harus mengambil iktibar daripada kejadian itu kerana kita telah melihat kehancuran yang disebabkan kegawatan di negara lain," katanya.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakyat Malaysia berketurunan Cina.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula melahirkan perasaan gembira kerana masyarakat Cina telah memainkan peranan positif untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi.

Beliau berkata walaupun ekonomi semakin kukuh, rakyat diminta supaya terus memberi kerjasama dan sokongan kepada kerajaan untuk melaksanakan segala dasar dan langkah untuk kebaikan negara.

"Adalah diharapkan rakyat dapat terus memperkukuhkan perpaduan perpaduan dan menghargai kestabilan sosial dan aman damai yang kita nikmati selama ini," kata Menteri Pengangkutan itu.

Sementara itu, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menggesa masyarakat Cina Malaysia supaya terus bekerja keras dan lebih rapat dengan kerajaan bagi menerokai lebih banyak potensi di alaf baru ini.

Beliau berkata ketidaksepaduan kaum dan krisis ekonomi yang lepas adalah cabaran-cabaran yang amat besar.

"Tetapi kerajaan, bersama-sama dengan sokongan rakyat, berjaya menangani halangan sedemikian... walaupun kita boleh berbangga dengan pencapaian ini, kita perlu mengambil langkah untuk melakukan dengan lebih baik lagi," katanya.

Menteri Perusahaan Utama itu berkata mandat besar yang diberikan oleh masyarakat Cina kepada Barisan Nasional pada pilihan raya umum lepas menunjukkan bahawa mereka mahukan negara supaya terus berpandangan ke hadapan, maju, demokratik, stabil dan masyarakatnya dapat hidup dalam harmoni.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu pula berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana negara semakin kukuh setelah melalui krisis kewangan berikutan pelbagai langkah ekonomi yang diambil oleh kerajaan.

"Dengan masyarakat Cina kita bersedia menyambut Tahun Naga pada Sabtu ini, saya berasa gembira untuk melihat keamanan dan kemakmuran terus wujud di negara ini.

"Kita perlu pastikan bahawa perpaduan ini, iaitu faktor utama kesejahteraan negara, terus kekal," katanya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, meminta rakyat bukan Cina turut sama menyambut Tahun Baru Cina dalam semangat persahabatan, muhibah dan saling memahami.

Mereka dapat berbuat demikian dengan mengunjungi rumah-rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina.

Samy Vellu dan isteri Datin Seri Indrani juga mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada masyarakat Cina di negara ini.

Sementara itu, presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Wan Azizah Ismail dalam perutusannya pula berkata sambutan Tahun Baru Cina menggambarkan nilai-nilai universal iaitu menghormati orang tua, menyayangi orang muda, membantu yang miskin dan menegakkan keadilan dengan semangat berani dan penuh keazaman.

Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam berkata masyarakat Cina bersama-sama dengan kaum lain bukan sahaja menyumbang kepada kekayaan warisan budaya Malaysia malah merupakan rakan penting bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Semua dasar-dasar pembangunan adalah berdasarkan prinsip "sama-sama berjaya" dengan kejayaan satu masyarakat membawa kepada kejayaan masyarakat yang lain, katanya.

"Ini dapat memudahkan dan memperluaskan lagi kerjasama antara semua

kaum ke arah kestabilan ekonomi dan politik," katanya.

Osu berkata keutuhan kaum dan sosial adalah asas paling penting bagi mewujudkan Malaysia yang kukuh dan bersemangat.

Beliau juga menggesa rakyat supaya lebih bersatu dan memahami antara satu sama lain dalam usaha mewujudkan negara Malaysia yang makmur.

"Rakyat Malaysia harus menerima pakai konsep peningkatan berterusan yang terdapat dalam falsafah Tahun Baru Cina.

"Bagi masyarakat Cina, sambutan Tahun baru membawa harapan baru dan kemajuan yang lebih besar, dan ia adalah gambaran harapan semua rakyat Sabah," katanya.

Osu dan isteri juga mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua masyarakat Cina.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berharap masyarakat Cina di negara ini khususnya di Kelantan hidup lebih bahagia di samping kerajaan yang memerintah.

Beliau berkata jika sebelum ini masyarakat itu dianggap terpinggir dari masyarakat Islam tetapi dengan perubahan yang dilakukan oleh kerajaan sekarang keadaan itu telah berubah.

"Tengoklah sendiri... sejak 10 tahun PAS memerintah Kelantan, hidup mereka lebih aman bahagia dan banyak kelonggaran diberi oleh kerajaan," katanya dalam perutusan khas Tahun Baru Cina di sini, hari ini.

Nik Aziz, yang juga Mursyidul Am PAS, berharap masyarakat itu dapat menerima sebuah kerajaan yang sentiasa mengambil berat masalah yang dihadapi mereka.

-- BERNAMA

MNR NAK